

***“MENUMPANG DI TANAH SENDIRI”*: SATU
KAJIAN IDENTITI DAN PEMINGGIRAN TANAH
DALAM KALANGAN MASYARAKAT *ADAT*
BUWAI PEMUKA RAJABASA, LAMPUNG
PEPADUN, SUMATERA, INDONESIA**

BARTOVEN VIVIT NURDIN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2016

***“MENUMPANG DI TANAH SENDIRI”*: SATU
KAJIAN IDENTITI DAN PEMINGGIRAN TANAH
DALAM KALANGAN MASYARAKAT *ADAT*
BUWAI PEMUKA RAJABASA, LAMPUNG
PEPADUN, SUMATERA, INDONESIA**

Oleh

BARTOVEN VIVIT NURDIN

**Thesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Februari 2016

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan kesyukuran kepada Allah s.w.t. kerana telah mengurniakan saya rezeki dan kesihatan untuk menyiapkan tesis ini dengan baik.

Melalui peluang keemasan ini saya ingin merakamkan jutaan terimakasih dan setinggi-tingginya penghargaan kepada penyelia utama saya Assoc. Prof Dr. Muhammad Reevany Bustami yang telah banyak memberikan saya sokongan dengan penuh kesabaran memberikan arahan selama saya menjadi pelajar untuk menyiapkan tesis ini, dan Penyelia bersama saya Assoc. Prof. Dr. Nor Hafizah Selamat kerana telah banyak memberi saya tunjukajar dan sokongan penuh demi menyiapkan tesis ini.

Penghargaan dan terimakasih kepada Pengarah Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian AntaraBangsa (CenPRIS), para pensyarah di CenPRIS dan para pensyarah di School of Social Sciences USM yang telah banyak memberikan kritik dan sokongan atas tesis ini. Penghargaan dan terimakasih kepada Assoc. Prof. Dr. Chan Kim Ling @Geradine sebagai pemeriksa luar, Dr. Nik Haslinda Nik Hussain dan Dr. Muhammad Fadhil Nurdin sebagai pemeriksa dalam, yang telah banyak memberikan sokongan dan kritikan demi kesempurnaan tesis ini.

Penghargaan ini juga untuk kedua ibu bapak saya, kerana mereka sentiasa menitipkan doa-doa untuk keberkatan saya. Suami saya Irsan, Ph.D dan cahaya mata saya Audrey Huvaira Irsan, berkat sokongan dan motivasi mereka berdua saya selalu bersemangat menjalani hidup ini dengan penuh optimis. Untuk kakak, adik-adik dan ipar beserta seluruh keluarga besar kerana mereka saya terus bersemangat.

Terimakasih juga untuk ibu (alm) dan bapak mertua saya beserta seluruh keluarga besarnya kerana mereka sentiasa memberi doa dan sokongan.

Saya juga ingin mendedikasikan ucapan terimakasih saya kepada teman-teman pelajar yang sanggup berkonsi ilmu, maklumat dan segala bentuk bantuan, yakni Ali Maksum, Kinsley, Dinna dan lain sebagainya yang tak boleh saya sebutkan satu persatu disini. Ucapan terimakasih juga untuk sahabat Jepun saya Masanori Kaneko, Ph.D, yang telah sentiasa memberi sokongan penuh untuk belajar di USM. Terimakasih juga untuk pimpinan dan teman-teman saya sesama pensyarah di FISIP Universiti Lampung.

Akhir sekali, saya menyadari bahawa tesis ini masih belum sempurna, saya menyusun sepuluh jari memohon kemaafan seandainya terdapat sebarang kesalahan dalam menyiapkan tesis ini. Semoga tesis ini bermanfaat bagi pengembangan ilmu pengetahuan. Terimakasih.

Amin Ya Robbal Allamin.

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	
ISI KANDUNGAN	
SENARAI JADUAL	
SENARAI RAJAH	
SENARAI GAMBAR	
SENARAI PETA	
SENARAI KATA	
ABSTRAK	
ABSTRACT	

BAB 1. PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang	
1.2. Permasalahan Kajian.....	
1.3. Persoalan Kajian	
1.4. Objektif Kajian.....	
1.5. Kepentingan Kajian	
1.6. Fokus/Skop Kajian.....	
1.7. Susunan Bab.....	

BAB 2 SOROTAN LITERATUR, KONSEPTUAL DAN TEORITIKAL

2.1. Pengenalan	
2.2. Kajian Etnik Lampung.....	
2.3 Peminggiran Kuasa Tanah	
2.4. Konseptual	

2.4.1	Peminggiran Tanah dan Peminggiran Kuasa.....
2.4.2	Konflik, Kuasa dan Identiti.....
2.4.3	Etnik Lampung Pepadun, Tanah Adat/ <i>Ulayat</i> dan Masyarakat Adat
2.4.4	Kolonisasi dan Transmigrasi
2.4.5	Makna Tanah dan Sumber Asli Lainnya.....
2.4.6	Membina Semula Kuasa ke Atas Tanah
2.5	Teoritikal.....
2.5.1	Teori Konflik.....
2.5.2	Teori Kuasa.....
2.5.3	Teori Identiti
2.5.4	Teori Peminggiran dan Transmigrasi.....
2.5.5	Teori Involusi Pertanian : Tanah di Jawa dan Tanah di Sumatera.....
2.5.6	Teori <i>Patron-Client</i> (Induk Semang-Anak Buah)
2.6	Kerangka Teoritikal
2.7	Kesimpulan

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan
3.2	Kaedah Penyelidikan
3.3	Kaedah Etnografi dari Lapangan Penyelidikan
3.4	Lokasi kajian.....
3.5	Informan.....
3.6	Teknik Pengumpulan Data.....
3.7	Analisis Data.....
3.8	Kesimpulan

**BAB 4 BUWAI PEMUKA :
SEBUAH MARGA PADA KELOMPOK ADAT PEPADUN**

4.1. Pengenalan

4.2. *Pepadun* Dan *Sai Batin* : Dualisme dan Friksi Kelompok Adat.....

4.3. *Pepadun* : *Marga dan Buwai*.....

4.4. Batas Pentadbiran dan Batasan Budaya

4.5. *Buwai Pemuka* : Kelompok adat dari Way Kanan.....

 4.5.1. Suasana Kampung : Pendatang dan Pembangunan Kota

 4.5.2. Menghilangnya rumah-rumah Adat (*Lamban/ Nuwa/ Mahan*).....

 4.5.3. Tanah yang mulai hilang : Perubahan mata pencaharian

 4.5.4. Fungsi Ketua Adat mulai pudar.....

4.6. Adat dan Upacara Adat : Simbol Status dan Harta.....

4.7. Sistem Keekerabatan : Anak Laki-Laki Tua yang di puja.....

4.8. Analisis : Teori Konflik dan Sebuah Etnografi masyarakat Adat.....

4.9. Kesimpulan

BAB 5 MAKNA TANAH ADAT : *KEBUMIHAN* PEPADUN

5.1. Pengenalan

5.2. *Kebumihan* *Pepadun* : Makna Tanah.....

 5.2.1. *Ngumo*.....

 5.2.2. Pengakuk dan *Pepadun* : Pangkat dan Pengiktirafan

5.3. Pemberian dan Pesta

5.4. Tanah dan Darah

5.5. Dari Tanah Adat (*Ulayat*) ke pengiktirafan atas Tanah.....

5.6. Analisis : Makna Tanah, Teori Identiti dan Teori Konflik

5.7. Kesimpulan

BAB 6 PEMINGGIRAN TANAH LAMPUNG : TANAH HARAPAN PADA JAWA

6.1. Pengenalan

6.2. Miskinya orang Jawa dan Transmigrasi

6.2.1. Makan tidak makan yang penting ngumpul

6.2.2. Jom Ke Tanah Lampung “*Tanah Loh Jinawi*”

6.3. *Nemui Nyimah* : Memberi Tanah dan Tumpangan

6.3.1. *Umbul* : Numpang di Tanah Lampung

6.3.2. Orang Jawa : *Ngikut Mbah* Kenangan yang manis

6.3.3. Jawa-Lampung : Hubungan Kuasa

6.3.4. Orang Jawa yang suka berjimat : Ansur tanah dan Tukar

6.4. Cerita Keluarga Jawa di Tanah Buway Pemuka Masa Kini :

Bukan Makan tidak Makan yang penting ngumpul

6.4.1. Tak Mahu Jadi suruhan lagi : Naik Status orang Jawa

6.4.2. Naik Status : Dari Pesuruh menjadi PNS

6.5. Belahan Roti mana yang diberi Mentega? Perubahan Hubungan Patron-Klien

6.6. Tersepit di Tanah sendiri : Kisah Keluarga Lampung

6.6.1. Tanah di Generasi ke empat dan lima : Konflik Waris

6.6.2. Pola Penempatan dan Persaingan

6.6.3. Menjual tanah untuk menjadi PNS :

Gaya Hidup Kelas Menengah

6.6.4. Mengontrak, *Bedeng* dan Numpang

6.7. Tanah itu sudah tidak ada lagi

6.8. Analisis

6.8.1. Hubungan Kuasa Golongan Etnik Lampung Dan Migran Jawa : Teori Kuasa.....	
6.8.2. Corak Peminggiran Tanah, Teori Peminggiran dan Teori <i>Nemui Nyimah</i>	
6.8.3. Perhubungan Tuan Tanah dan Migran Jawa.....	
6.8.4. Tanah Yang Sempit Dan Tanah Yang Luas.....	
6.9. Kesimpulan	

BAB 7 MEMBINA SEMULA IDENTITI DAN KUASA :

TINDAK BALAS KEPADA PEMINGGIRAN KUASA ATAS TANAH

7.1. Pengenalan	
7.2. Membina Semula Budaya Lampung.....	
7.3. Tanah Habis Kemudian Berebut Kuasa Politik Tempatan	
7.4. Adat Untuk Kepentingan Politik Tempatan.....	
7.5. Lampung dan Negara.....	
7.6. Analisis	
7.6.1. Identiti sebagai Kuasa Wacana	
7.6.2 Memimpin Di negeri Sendiri	
7.7. Analisis Teori-Teori.....	
7.7.1 Teori <i>Nemui Nyimah</i> : Kebudayaan yang melemahkan.....	
7.7.2. Teori Kuasa Wacana	
7.7.3 Teori Identiti : <i>Piil Peseingiri</i>	
7.7.4. Teori <i>Patron-Client</i>	
7.7.5. Teori Involusi Pertanian.....	
7.8. Kesimpulan	

BAB 8 KESIMPULAN DAN CADANGAN

8.1. Pengenalan.....	388
8.2. Kesimpulan.....	389
8.3. Cadangan Kajian.....	400
RUJUKAN	402

SENARAI JADUAL

Muka Surat

Jadual.1.1. Komposisi PendudukProvinsi Lampung BerdasarkanEtnik.....	
Jadual 1. 2. Petempatan Pendetang di Sumatera mengikutprojek, 1969-1974	
Jadual 1. 3. Projek Transmigrasi di Lampung, 1952-1973	
Jadual 2.1. <i>Etic, Mental and Emic Components</i>	
Jadual.3.1. Nama-Nama Informan	
Jadual 4.1. Pembahagian dialek dalam Etnik Lampung	
Jadual 4.2.Pembahagian Etnik dalam Adat Lampung	
Jadual 4.3.Perbezaan Pepadun dan SaiBatin.....	
Jadual 4.4. Jumlah Penduduk menurut Kelurahan, di Kecamatan Rajabasa	

SENARAI RAJAH

Muka Surat

Rajah 2.1. Kerangka Teoritikal	
Rajah 4.1. Pembahagian Kelompok adat dan dialek pada etnik Lampung	
Rajah 4.2. Sistem Kekerabata netnik Lampung yang Patrilineal dan Patriakhat.....	
Rajah 5.1. Salasilah Keluarga Besar Tumenggung Widjaja	
Rajah 5.2. Salasilah Satu Keluarga Lampung (Sutan Pusset)	
Rajah 6.1. Pola Pemukiman etnik Lampung	
Rajah 7.1. Analisis Teori.....	

SENARAI GAMBAR

Muka Surat

Foto 4.1. Suasana Kampung Tua Raja Basa.....	
Foto 4.2. MesjidtuadiantaraBuwaiPemuka.....	
Foto 4.3. Rumah Tinggal bagi Buwai Pemuka.....	
Foto 4.4. Rumah Tinggal di Kampung Raja Basa.....	
Foto 4.5. <i>Penyimbang</i> (Pengurus Adat).....	
Foto 5.1. Membuka tanah.....	
Foto 5.2.. Menebang Pokok.....	
Foto 5.3. MembakarLadang.....	
Foto 5.4. Makanan Sesajen.....	
Foto 5.5. Upacara Nyebut.....	
Foto 5.6. Upacara Ngumo.....	
Foto 5.7. Nugal.....	
Foto 5.8. Makan bersama.....	
Foto 5.9. Payung Lampung.....	
Foto 5.10. Sijil Pengiktirafan Tanah.....	
Foto 5.11. Tanda Pusiban.....	
Foto 6.1. Orang Jawa datang Ke Lampung.....	
Foto 6.2. Lek Kikim dan Isterinya.....	
Foto 6.3. Lek Kikim dan cucu-cucunya.....	
Foto 6.4. Lek Mimin.....	
Foto 6.5. Umbul.....	
Foto 6.6. Lek Tariyem di Ladang.....	

Foto 6.7. Kawasan Ojek
Foto 6.9. Tanah Sengketa
Foto 7.1. Perayaan Pemberian Gelar Adat

SENARAI PETA

Muka Surat

Peta 4.1. Peta Tanah Buay/Buwai Pemuka	
Peta 6.1. Terpinggirnya Tanah Buay/ <i>BuwaiPemuka</i>	

SENARAI KATA

Andong-andong	: Makanan (nasi dan ikan) untuk dibagi-bagi kepada saudara, teman atau jiran.
Adat	: Kebiasaan dan aturan suatu kelompok masyarakat
Angkot	: Kereta untuk membawa penumpang
Bedeng	: Rumah kecil dengan satu bilik untuk disewa
Bupati	: Kepala pemerintahan dari suatu kawasan Kabupaten
Besek	: Bungkusan makanan
Buwai/buay	: Kelompok etnis berazaskan keturunan
Cantolan	: Orang yang berpengaruh dan berkuasa
Camat	: Kepala Pemerintahan Peringkat wilayah Kecamatan (distrik)
Cakak Pepadun/Pupadun	: Upacara Adat naik status
Gubernur	: Kepala pemerintahan dari suatu kawasan Provinsi
Gedong Air	: Kawasan di Lampung
Kebumian	: Bumi atau Tanah
Ketaro adat Lampung	: Kitab Adat Lampung
Kabupaten	: Suatu kawasan daerah otonomi
Lamban Balak	: Rumah yang besar
Lampung Culung	: Lampung ortodok
Mewakhi	: Upacara Adat Pengangkatan menjadi saudara
Maklum	: Memahami suatu keadaan

Ngumo	: Tata cara menanam padi
Nanem	: Memberikan sesuatu baik wang atau pun hadiah lainnya tetapi untuk mengharap balasan kelak.
Nrimo	: Menerima dan pasrah sahaja
Ojek	: Motorsikal khusus untuk membawa penumpang dengan membayar
Pemuka	: Tokoh/seseorang yang mengetahui tentang adat
Pusiban	: Rumah tempat tinggal
Pemuka adat	: Tokoh Adat/Kepala adat
Pepadun	: Kelompok adat Lampung yang berada di kawasan Pedalaman
Penyimbang	: Ketua Adat dalam Bahasa Lampung
PNS (Pegawai Negeri sipil)	: Pegawai Kerajaan
PRT	: Pembantu Rumah Tangga
Perwira Polis	: Polis dengan kedudukan tinggi
Sai Batin	: Kelompok adat Lampung yang berada di kawasan pesisir
Semanda	: Cara perkahwinan dengan cara mengambil laki-laki
SMA	: Sekolah Menengah Kebangsaan
Seseran	: Wang selain tambahan selain gaji
SKT	: Surat Keterangan Tanah
SPORADIK	: Surat Pernyataan Penguasaan Fisik Bidang Tanah
Sesajen	: Makanan untuk upacara yang dipersembahkan

	kepada dewa dewi
Tiyuh	: Kawasan/Kampung
Tonjok	: Memukul
TKW	: Tenaga Kerja Wanita
TKI	: Tenaga Kerja Indonesia
UUPA	: Undang-Undang Pokok Agraria (Undang-Undang Utama Tanah)
Ulayat	: Warga masyarakat Adat
Umbul	: Kampung kecil yang hanya ada dua sampai lima rumah sahaja

**“MENUMPANG DI TANAH SENDIRI” : SATU KAJIAN IDENTITI
DAN PEMINGGIRAN TANAH DALAM KALANGAN
MASYARAKAT ADAT BUWAI PEMUKA RAJABASA, LAMPUNG
PEPADUN, SUMATERA, INDONESIA**

ABSTRAK

Kajian ini mengenai hubungan kuasa antara etnik Lampung dengan migran Jawa serta pihak pemerintah Indonesia yang dilihat melalui peminggiran tanah dan peminggiran kuasa, yang menyebabkan melestarikan semula identiti golongan etnik Lampung. Objektif kajian ini mengkaji makna tanah untuk golongan etnik Lampung, untuk memahami kekaitan antara membina identiti semula, peminggiran tanah dan perubahan makna tanah. Penyelidikan ini berkaitan dengan teori kuasa, teori identiti, teori konflik, teori peminggiran, teori *patron-client*, dan teori involusi pertanian. Metod penyelidikan ini adalah kualitatif, dengan pendekatan etnografi. Pengumpulan data dilakukan dengan pemerhatian berperanserta dan temubual mendalam. Dapatan kajian ini, tanah bermakna kesejahteraan, kekayaan dan kemakmuran. Peminggiran tanah berlaku sebagai sebuah proses sosial-budaya dimana budaya *Nemui-Nyimah* (ramah kepada tamu) telah melemahkan golongan etnik ini. Perubahan politik nasional juga memberikan pengaruh kepada kuasa etnik Lampung. Identiti Lampung yakni harga diri (*piil peseinggiri*) yang memang sudah kuat namun tidak memberikan kuasa politik tempatan pada masa Orde Baru. Pada masa reformasi di Indonesia, dengan isu identiti etnik Lampung kembali meraih kuasa dalam politik tempatan. Tesis ini menemukan Teori *Nemui-Nyimah*, untuk memahami berlakunya peminggiran tanah dan Teori *Piil Peseinggiri* sebagai melestarikan identiti untuk merebut kuasa politik tempatan.

**“*LODGING IN THEIR OWN LAND*” : A CASE STUDY OF
IDENTITY AND MARGINALIZATION OF LAND AMONG THE
COMMUNITY OF *ADAT BUWAI PEMUKA RAJABASA*,
LAMPUNG PEPADUN, SUMATERA, INDONESIA**

ABSTRACT

This study is about the power relationship between Lampung ethnic and Javanese migrants as well as the government in Indonesia seen through the land and power marginalization, which led to the preservation of its ethnic identity. The objective of this study is to examine the significance of land for Lampung ethnic group, to understand the relationship between identity, marginalization of land and the change of the meaning attached to the land. This research is connected to the theory of power, theory of identity, the theory of conflict, theory of marginalization, the theory of patron-client, and the theory of agricultural involution. The method of this research is qualitative ethnographic approach. The data collection is done by observation and in-depth interview. This study found that land means wealth and prosperity. The marginalization of land serves as a socio-cultural process in which the culture *Nemui-Nyimah* (hospitality to the guests) has weakened this ethnic group. National political changes also give effect to the power of Lampung ethnic group. Lampung ethnic identity - *Piil Pesenggiri* (self esteem) , which is already strong, has not yielded any political power to the local in the New Order. This identity is then preserved in the reformation era in Indonesia. With the issue of socio-cultural identities, Lampung ethnic regained the power in local politics in Lampung. This thesis also found that *Nemui-Nyimah* identity theory can be used to understand the practice of land marginalization and *Piil Pesenggiri* identity to seize local political power.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1. Latar Belakang

Lampung adalah sebuah kawasan yang berada di hujung Selatan pulau Sumatera, Indonesia. Kawasan ini hidup masyarakat yang disebut dengan etnik Lampung. Kawasan Lampung hanya dipisahkan oleh selat Sunda dengan pulau Jawa. Sebagai sebuah etnik, Lampung boleh dikatakan kurang dikenali oleh masyarakat awam di Indonesia, kerana wilayah Lampung merupakan wilayah kolonisasi semenjak zaman Belanda dan diterukan dengan dasar transmigrasi. Kolonisasi (*colonization*) adalah sebuah program Pemerintahan Belanda untuk memindahkan penduduk Jawa yang padat secara paksa ke Sumatera khususnya Lampung, untuk bekerja di perladangan milik pemerintahan Belanda. Transmigrasi adalah program pemerintah Indonesia semenjak masa Orde Lama sehingga Orde Baru untuk memindahkan penduduk Jawa ke Sumatera, khususnya Lampung. Lampung dilihat sebagai kawasan yang sesuai untuk program transmigrasi bagi mengurangkan kepadatan penduduk dan kemiskinan di Pulau Jawa. Selepas tiba di Lampung peserta program transmigrasi dari Jawa diberikan tanah untuk diterokai sebagaimana sistem pertanian di Jawa iaitu sawah tanah basah atau pengairan.

Kedatangan etnik Jawa ke Lampung yang sudah berabad-abad berlaku dalam empat fasa kedatangan iaitu pertama (1) ketika masa kolonisasi Belanda, kedua (2) masa transmigrasi oleh kerajaan RI, ketiga (3) era transmigrasi spontan, transmigrasi spontan ini lebih banyak bilangannya daripada rasmi (Charras, M. & Pain, M, 1993)

dan keempat (4) ketika kedatangan etnik lainnya ke Lampung. Walau bagaimanapun, apakah faktor utama yang membuat ramai orang datang dan beremastautin di Lampung? Jawabannya sangat sederhana iaitu kerana tanah Lampung yang sangat subur. Hal ini juga yang menjasi alasan utama kedatangan orang-orang Jawa ke Lampung sama ada menerusi program penjajahan Belanda (*colonization*) mahupun program Transmigrasi oleh pemerintah Indonesia. Tanah di Lampung yang begitu luas hanya ditempati oleh sedikit penduduk, sementara pulau Jawa yang kecil ditempati oleh penduduk yang sangat ramai, sehingga berakibat kepada meningkatnya bilangan kemiskinan. Malah, penjajah Belanda juga datang ke Lampung dengan alasan yang sama iaitu tanah di Lampung yang kaya rempah-rempah terutamanya lada (Kohler, 1874). Menurut Levang (2003: p10) dan Masri Singarimbun (1979: p VII) pertama kali seorang Residen Sukabumi orang Belanda bernama Heitjing atau H.G. Heyting pada tahun 1905 menghantarkan 155 keluarga dari Jawa ke Gedong Tataan (*Bagelen*), Keresidenan Lampung.

Tanah-tanah di Lampung sebahagian besar sudah ditempati oleh etnik Lampung untuk bina rumah dan ladang. Biasanya etnik Lampung memiliki tanah yang luas untuk ladang. Etnik Lampung biasa menanam lada hitam dan kopi. Kerana jumlahnya yang sedikit masih banyak hutan-hutan yang belum dijamah. Tanah yang dipunyai etnik Lampung disebut sebagai tanah adat. Etnik Lampung dari semenjak dahulu hidup dengan cara berpindah-pindah dari satu kawasan ke kawasan yang lain, untuk mencari tanah yang subur.

Etnik Lampung hidup dalam kelompok adat yang disebut dengan *Buwai*. Dalam sub-etnik Lampung ada disebut *buwai* dan marga. *Buwai* adalah kumpulan atau kelompok yang merupakan keturunan secara biologis berdasarkan sistem

patriakhi (garis keturunan lelaki) yang memiliki budaya dan adat (*System of Law atau Customary*) tersendiri (Hooker, 1974). Tanah milik *buwai* dalam etnik Lampung disebut dengan tanah adat atau tanah marga, Pada masa penjajahan Belanda, kelompok-kelompok masyarakat Lampung yang sulit dipetakan, kerana hidupnya yang berpindah-pindah maka Belanda membentuk marga, yakni kelompok masyarakat yang dibatasi wilayah pentadbiran. Nama-nama marga ini juga diambil dari nama-nama *Buwai*. Misalnya *Buwai* Pemuka, maka diberi nama marga *Buwai* Pemuka untuk wilayah itu. Marga adalah batas pentadbiran, sedangkan *buwai* adalah kelompok keturunan dalam adat. Dalam kelompok *Buwai* memiliki tanah dari perladangan, tanah-tanah mana yang sudah ditempati untuk ladang maka itu adalah tanah milik mereka. Sejak dibinanya marga, maka nama *buwai* ditambah menjadi *Marga Buwai*, misalnya *Marga Buwai* Pemuka. Sehingga tanah-tanah milik *buwai* itu, disebut sebagai tanah marga. Namun zaman sekarang terkadang pemakaian istilah *buwai* dan marga terjadi pertindihan.

Dalam peraturan marga tidak wujud tanah yang boleh diberikan kepada orang lain, kecuali dipinjamkan untuk dipakai namun kelompok marga berhak untuk mengambilnya kembali bila-bila masa. Pada masa penjajahan Belanda di Lampung, tanah-tanah milik marga banyak diubahsuai oleh penjajah Belanda, dan hanya mengakui sedikit sahaja tanah-tanah yang dimiliki marga dan secara tidak langsung kuasa marga berkurangan. Namun berlaku penolakan oleh sekumpulan marga, sehingga pada akhirnya Belanda menyusun semula batas-batas tanah marga di bawah kesepakatan kelompok marga. Untuk mengatur hubungan antara orang Jawa dan orang Lampung, Pemerintah kolonial Belanda menerapkan politik *enklave*, iaitu sebuah politik memisahkan sejauh-jauhnya antara etnik Jawa dan Lampung,

sehingga orang Jawa dapat dengan cepat selesa tinggal di Lampung (Heeren, 1979:p17).

Terdapat juga para pendatang Jawa yang datang kerana dijemput oleh kerabatnya yang telah datang terlebih dahulu ke Lampung. Hal ini dikeranakan kerabatnya tersebut sudah merasakan hidupnya yang sejahtera di Lampung berbanding semasa di Jawa. Sehingga mereka mengajak kerabatnya di Jawa untuk ikut serta ke Lampung, disamping tanah di Lampung juga yang belum banyak diterokai dan memerlukan ramai tenaga kerja dalam sektor perladangan atau menjadi penjaga ladang. Dalam amalan budaya Jawa sememangnya tidak dikenal istilah merantau disebabkan ikatannya yang cukup kuat dengan tanah kelahiran. Walau bagaimanapun, terdapat dua perkara penting kenapa orang Jawa mesti meninggalkan kampung hasliannya iaitu kerana *Wirang* (malu) dan *Kirang* (kurang). Rasa malu timbul kerana pelbagai sebab sehingga sukar diterima oleh masyarakat persekitaran sedangkan kurang ertinya kemiskinan. Namun banyak kes juga yang menunjukkan ramai di kalangan orang Jawa tidak mahu mengikuti program transmigrasi kerana kehidupannya yang sudah sejahtera di Jawa (Masri Singarimbun,1980: p. 57).

Bilangan penduduk migran Jawa yang datang tersebut sentiasa semakin bertambah, dalam tahapan-tahapan. Baik yang datang secara rasmi mahupun spontan. Sehingga bilangan migran Jawa bertambah banyak jumlahnya sampai tahun 2000 bilangan penduduk terus bertambah banyak. Dipamer pada Jadual 1.1. banci penduduk tahun 2000 di Provinsi Lampung yang menyatakan bahawa bilangan penduduk mencapai 6.646.890 jiwa. Adapun bancian terbaru tahun 2010 penduduk Lampung bertambah sekitar 7.596.115 jiwa. Walau bagaimanapun, bancian

penduduk mengikut etnik tidak dilakukan pada tahun 2010. Komposisi penduduk mengikut etnik tahun 2000 dapat dipamerkan dalam jadual berikut:

Jadual. I.1. Komposisi Penduduk Provinsi Lampung Berdasarkan Etnik

NNo	Etnik	Jumlah (Jiwa)	Jumlah (%)
1	Jawa	4.113.731	61,8
	Lampung (Pepadun, abung bunga Mayang, Peminggir)	792.312	11,92
3	Sunda (termasuk Banten)	749.566	11,27
4	Semendo dan Palembang	236.292	3,5
	Lainnya (Bengkulu, Batak, Bugis, Minang)	754.989	11,35
	Jumlah	6.646.890	100

Sumber : Badan Pusat Statistik Lampung (BPS) Tahun 2000

Daripada jadual di atas tampak bahawa etnik Lampung hanya berjumlah 11,92 % sahaja pada tahun 2000, sedangkan etnik Jawa mencecah 61,8% atau menjadi majoriti di Lampung. Kedatangan orang Jawa ke Lampung dijangka akan berterusan bertambah sampai tahun-tahun ke hadapan meskipun program transmigrasi sudah dimansuhkan pada ketika ini. Menurut J.M.Hardjono (1977) semenjak program *Kolonisasi* di Indonesia oleh pemerintah Belanda, kawasan Sumatera terus menjadi destinasi utama bagi ramai orang Jawa dan dikekalkan sehingga selepas kemerdekaan. Menurut catatan antara tahun 1969-1974 bilangan pendatang di Lampung mencecah 52, 377 jiwa. Adapun secara lebih lengkap data tersebut dapat dipamerkan dalam jadual di bawah:

Jadual I. 2. Petempatan Pendatang di Sumatera mengikut projek, 1969-1974

Project	1969-70	1970-1	2	1971-	1972-3	4	11973-	Total
Balau Kedaton	3095	572						
Way Abung/Panaragan	1596	1717		2952	10461		24833	
Older Projects							7151	
Lampung								52377

Sumber : Directorate-General for Transmigration, Jakarta, dalam J.M. Hardjono 1977

Daripada Jadual I.2. di atas terlihat bahawa dari tahun 1969 sehingga tahun 1974, kedatangan transmigrasi di kawasan Balau Kedaton dan tempat lainnya agak berlebih berbanding dengan di Way Abung yang merupakan nama sebuah marga daripada etnik Lampung Pepadun. Oleh itu, jumlah keseluruhan kedatangan transmigrasi ke Way Abung adalah 4833 di tahun 1974. Secara lebih terperinci berkaitan kawasan dan jumlah penduduk transmigrasi yang datang ke Lampung dapat dipamerkan dalam rajah berikut:

Jadual I. 3. Projek Transmigrasi di Lampung, 1952-1973

Project	Period of Settlement	Project area (ha)	Population	Year of transfer
I. South Lampung				
1. Palas	1958-73	14300	15127	1970
2. Sidomulyo	1958-73	14500	27053	1970
3. Balau Kedaton	1961-73	12000	7041	1970
4. Sidomakmur	1967	500	977	
5. Tanjungan	1968-73	1000	1867	
		42300	52065	

II.	Central Lampung				
	1. Sekampung	1952-5	3000	18069	1955
	2. Purbolinggo	1952-6	10000	46704	1963
	3. Punggur	1953-7	10000	33013	1968
	4. Pekalongan	1953-7	1000	8711	1963
	5. Lb. Maringgai	1953-6	142	3023	1956
	6. Sept Raman	1954-9	12630	46915	1968
	7. Raman Utara	1955-8	9 958	28655	1968
	8. Way Seputih	1954-61	10537 5	57172	1968
	9. Seputih Banyak	1958-61	19 180	44752	1968
	10. Rumbia Barat/Sept Buminabung	1960-72	9738	20537	1969
	11. Way Jepara	1957-63	11658	46255	1968
	12. Sept. Mataram	1962-5	38000	43229	1969
	13. Lempuyang	1959	12000	732	
	14. Banjaratu	1959-63	6000	4209	
	15. Sept. Surabaya	1965-70	10000	11045	
			163 843	413021	
			5		
III.	North Lampung				
	1. Badaratu	1959-63	17500		1970
	2. Banjit	1952-63	8500		1970
	3. Negeri Agung	1965	20000		
	4. Way Abung	1965-73	46000		
	Total Lampung		252 143 5	541 975	

Sumber : Laporan Tahun Kerja 1972/1973 Direktorat Transmigrasi Provinsi Lampung (Tanjung Karang, 1973) pp. 43-4 dalam J.M. Hardjono, 1977.

Daripada Jadual I.3. di atas boleh dilihat bahawa dengan kedatangan transmigrasi ke Lampung sangat besar, lebih-lebih lagi kedatangan transmigrasi secara spontan yang tidak terekod. Etnik Lampung yang jumlahnya sedikit berbanding dengan jumlah pendatang cenderung menguasai tanah lebih luas. Boleh dikatakan bahawa setiap pendatang yang datang menerusi program transmigrasi akan mendapat tanah. Setiap tahunnya ribuan ekar tanah diberikan kepada transmigran untuk keperluan pertanian mereka dalam mana wilayah yang paling luas adalah di Lampung Tengah di mana kawasan petempatan etnik Lampung Pepadun.

Sementara itu, terdapat juga etnik-etnik lain selain etnik Jawa yang datang ke Lampung misalnya Sunda, Bugis, Minangkabau, Batak, Bali dan lain sebagainya. Di antara etnik-etnik tersebut juga mempunyai kerjaya yang pelbagai. Misalnya orang Bali sebahagian besar bekerja sebagai pengusaha pengangkutan, orang Bugis sebagai

pelaut dan nelayan yang mendiami daerah pinggiran pantai Lampung, orang Minangkabau sebahagian besar bekerja sebagai peniaga dan menguasai pasar-pasar tradisional bahkan moden, orang Batak lebih dikenali sebagai tukang membaiki tayar dan pelbagai kerjaya lainnya, sedangkan Sunda ramai yang menjadi guru dan juga kerjaya lainnya.

Dominasi etnik Jawa sememangnya sudah di merata-rata sektor termasuk dalam mengatur sistem pemerintahan masyarakat tempatan. Antaranya dengan memansuhkan sistem pemerintahan masyarakat tempatan dengan sistem pemerintahan masyarakat Jawa, yakni sistem pemerintahan desa. Desa adalah sistem pemerintahan di peringkat paling rendah dalam struktur masyarakat Jawa. Namun, selepas reformasi dan dilaksakannya autonomi daerah hampir semua wilayah juga menuntut dikembalikannya lagi sistem pemerintahan mengikut masyarakat tempatan. Di Sumatera Barat misalnya kembali ke pemerintan *nagari* dan menghapuskan desa, hanya di Lampung sahja yang sukar untuk kembali ke pemerintahan marga, kerana dominasi etnik Jawa. Justeru, ia juga menimbulkan konflik antara etnik Jawa dan Lampung selepas memilih sistem pemerintahan desa atau Pekon/Marga (Kampung dalam bahasa Lampung).

Dominasi ‘Jawa’ yang begitu besar telah menjadikan etnik Lampung sebagai minoriti di rumah sendiri. Hal ini menimbulkan persepsi dan syak wasangka di antara masyarakat bahawa Lampung seolah-olah adalah wilayah dengan tanah kosong dan tidak bertuan serta destinasi transmigrasi. Selepas Indonesia mendapat kemerdekaan, etnik Lampung termasuk dalam wilayah Sumatera Selatan, terintegrasi dalam Provinsi Sumatera Selatan, yang diduduki oleh etnik Palembang atau ‘orang

Palembang'. Oleh itu, andaian-andaian yang boleh muncul bahawa orang-orang Lampung adalah bahagian daripada etnik atau orang Palembang atau boleh dikatakan sub-etnik dari Palembang. Walau bagaimanapun, dasar politik etnik semenjak zaman penjajahan dan diteruskan era Orde Baru, telah menjadikan etnik terikat hanya pada peringkat imaginasi belaka.

Adapun batasan- batasan imaginasi (*semu*) yang dimaksud disini adalah provinsi-provinsi yang dibentuk seolah-olah mewakili suatu etnik yang menjadi majoriti dan tentu dominan di suatu wilayah. Padahal batas-batas etnik secara wilayah tidak boleh disamakan dengan batas-batas etnik secara keturunan. Misalnya sahaja wilayah Provinsi Sumatera Utara identik dengan etnik Batak lengkap dengan identitinya, padahal di Sumatera Utara terdapat puluhan etnik yang mendiami daerah tersebut. Malah, sebahagian di antara mereka telah bercampur dengan etnik di wilayah Sumatera Barat. Dengan demikian, batasan-batasan wilayah, kawasan dan negeri bahkan desa tidak boleh disamakan dengan batasan-batasan etnik dan budaya (*culture area*) (Irwan Abdullah, 1999). Politik etnik di masa orde baru yang mengambil secara paksa unsur-unsur kebudayaan dari setiap wilayah untuk dijadikan kebudayaan kebangsaan merupakan suatu dasar yang menafikan kepelbagaian etnik yang ada di Indonesia (Parsudi Suparlan, 2002).

Di samping berimplikasi serius terhadap meningkatnya bilangan penduduk Lampung yang semakin minoriti, ia juga berimplikasi kepada masalah tanah. Hal ini kerana tujuan penduduk Jawa datang ke Lampung adalah untuk mendapat tanah. Dominasi politik dan bilangan penduduk Jawa telah memberi kesan kepada kuasa etnik Lampung dipinggirkan termasuk dalam hal tanah. Tanah tidak hanya berfungsi sebagai alat ekonomi bagi etnik Lampung, melainkan juga memiliki ikatan

emosional, spiritual dan sosial bagi etnik Lampung. Ramainya pendatang, telah menimbulkan masalah cukup serius bagi etnik Lampung terutamanya konflik tanah. Konflik tanah bermula daripada pengambilan secara paksa tanah-tanah milik masyarakat asli Lampung bagi kepentingan transmigrasi, malah untuk kepentingan beberapa syarikat besar yang dilindungi oleh pemerintah Indonesia. Syarikat-syarikat besar tersebut diberikan izin mengelola tanah oleh pemerintah tanpa melalui kompromi dan negosiasi dengan pemiliknya iaitu masyarakat adat. Konflik tanah juga semakin meningkat bilangannya semenjak Orde Baru, namun tertutup atau tidak besar sifatnya. Hal ini kerana masyarakat tidak berani melakukan bantahan dan menuntut secara tegas dan terbuka. Walau bagaimanapun, selepas reformasi dan autonomi daerah, konflik tanah semakin banyak dan cenderung dilakukan secara terbuka oleh masyarakat, terutamanya pemimpin adat.

Sebagai sebuah etnik, Lampung memiliki adat dan budaya serta undang-undang tersendiri sebagai panduan dalam kehidupannya. Panduan falsafah hidup etnik Lampung terdapat dalam sebuah kitab yang bernama *Kuntjara Raja Niti*. Ia adalah sebuah kitab yang mengatur semua kehidupan etnik Lampung. Dalam falsafah hidup etnik Lampung, tanah adalah ciri khas bagi etnik Lampung. Etnik Lampung juga boleh disebut sebagai masyarakat yang memiliki adat atau di Indonesia dikenali sebagai masyarakat adat. Bagi etnik Lampung tanah-tanah di Lampung dimiliki oleh kumpulan *buwai* sebagai tanah adat atau tanah marga atau sebutan lainnya tanah *ulayat* sebagaimana etnik Minangkabau dan Melayu Riau menyebut tanah adat sebagai tanah *ulayat*.

Ulayat dalam bahasa Indonesia bermakna sekumpulan individu (bukan peribadi atau perseorangan) yang merupakan suatu komuniti atau masyarakat yang

memiliki satu identitas etnik dan kebudayaan. *Ulayat* disebut juga dengan komunitas adat atau masyarakat adat atau penduduk asli/tempatan yang memiliki hak ke atas tanah, air, udara, hutan, gunung dan lain sebagainya di tempat mereka bermastautin sebagai penduduk asli. Konsep *ulayat* biasa digunakan untuk menyatakan kepemilikan ke atas sesuatu perkara pada suatu kelompok etnik. Misalnya hak *ulayat* adat, artinya hak ke atas kepemilikan benda-benda yang diakui sebagai milik bersama atau milik *ulayat*. Biasanya milik *ulayat* adalah sesuatu yang dipergunakan untuk kepentingan umum atau masyarakat banyak, misalnya tanah *ulayat*, hutan *ulayat*, gunung atau sungai, dan lain sebagainya.

Adat didefinisikan oleh John Haba (2001:p3) sebagai suatu simbol universal yang merekonstruksikan dunia mereka. Adat juga diartikan dalam bahasa Inggris sebagai *customary* atau *body of local customs*. Taufik Abdullah mendedahkan definisi Adat seperti berikut:

“Adat is usually defined as that local custom which regulates the interaction of the members of a society. Adat in this second sense is supposed to form the entire value system, the basis of all ethical and legal judgment, as well as the source of social expectations. In short, it represents the ideal pattern of behavior”. (Taufik Abdullah, 1966:p1)

Bagi etnik Lampung, terdapat tiga sistem pemilikan tanah iaitu milik *ulayat* marga (milik satu keturunan marga), milik *ulayat buwai* (sub marga) dan milik *ulayat menyanak* (perorangan). Tanah milik *ulayat* marga adalah berupa tanah yang belum pernah diterokai seperti hutan belantara atau pernah diterokai namun telah menjadi hutan lagi. Hal ini dikarenakan sistem pertanian etnik Lampung yang suka berpindah-pindah, termasuk hutan, padang ilalang dan semak belukar. Tanah milik marga termasuk tanah yang dipakai untuk keperluan awam termasuk tanah lapang, pekuburan dan lain sebagainya. Meskipun pemerintahan marga dihapuskan semenjak

tahun 1952 secara sepihak dan digantikan oleh sistem pemerintahan negeri dan kemudian di masa Orde Baru digantikan dengan sistem pemerintahan Desa di bawah UU No. 5 tahun 1979. Walau bagaimanapun, etnik Lampung tetap berasa bahawa tanah-tanah yang sudah menjadi milik negara tersebut adalah tanah mereka juga, yakni sebagai milik marga (Heeren, 1979: p45 ; Hilman Hadikusuma dkk, 1985: p69-71).

Sesuai peraturan adat Lampung Pepadun, maka semua tanah di Lampung adalah milik marga etnik Lampung dan tidak boleh diambil alih kepemilikannya. Selain itu tidak terdapat satu tanah pun yang berada di luar pemilikan marga. Bagi kaum pendatang pula tidak dibenarkan untuk menduduki tanah-tanah tersebut tanpa persetujuan dan kebenaran kelompok marga tersebut. Malah, mereka yang telah mendapat persetujuan pun wajib membayar sejumlah wang dan hanya boleh menerokai sahaja serta tidak boleh dijadikan hak milik. Hal ini kerana yang mengatur tanah tersebut tetap di tangan ketua marga dalam mana setiap saat marga pula boleh meminta kembali tanah tersebut bila-bila masa apabila mereka inginkannya (Heeren, 1979: p46). Pada tahun 1950an pemerintah Indonesia membuat satu polisi berkaitan pembaharuan pentabiran dengan menyetepikan marga beserta hak-hak asasnya. Mereka pula tidak diajak untuk berkompromi dan negosiasi. Dasar tersebut dibuat oleh pemerintah Indonesia dalam usaha mengubah bentuk marga menjadi negeri termasuklah para pendatang transmigran serta sistem politik dalam mana matlamat akhirnya ialah menghapuskan sistem marga (Heeren, 1979: p47).

Para kelompok marga juga melakukan protes dan tuntutan mereka melakukan konflik dengan orang Jawa, dengan meminta kembali tanah yang sudah diambil. Bagi mengatasi keadaan demikian, pendatang Jawa melakukan strategi dengan cara

memberikan separuh daripada hasil pertanian mereka agar mereka tetap boleh tinggal di tanah tersebut. Namun semakin lama konflik tersebut semakin berkurang kerana kuatnya campurtangan pemerintahan Indonesia dalam usaha melindungi transmigran. Protes dan tuntutan yang dilakukan oleh kelompok marga berterusan selepas bergabung dengan kelompok adat di bahagian Sumatera lainnya seperti Sumatera Barat dan Palembang. Hal ini semakin kukuh selepas mensyuarat agungnya tuntutan pada tahun 1957 dengan agenda menghentikan projek transmigrasi. Kemuncak tuntutan berujung pada berlakunya pemberontakan PRRI (Pemerintah Revolusioner Republik Indonesia) di Sumatera yang ingin memisahkan diri dari Jawa atau Indonesia tahun 1958. Walau bagaimanapun, pemberontakan PRRI di Sumatera berjaya ditumpas oleh pemerintah Indonesia (Heeren, 1979: p49-50).

Seterusnya pemerintah Indonesia menggubal Undang-Undang tentang tanah No. 5 tahun 1960 atau dikenali sebagai hukum agraria, yang cenderung menyetepikan hak-hak tanah *ulayat* atau hak-hak tanah marga tersebut. Hal ini kerana semua tanah yang tidak dimanfaatkan termasuk hutan, sungai dan lahan secara automatik menjadi milik negara untuk kemakmuran rakyat Indonesia. Walau bagaimanapun hal ini pada realitinya tidak sesuai dalam pelaksanaannya. Dalam menyusun Undang-Undang Tanah masyarakat adat tidak dilibatkan sama sekali. Hal ini juga menunjukkan lemahnya hukum adat di hadapan hukum negara, lebih-lebih lagi tiadanya pengakuan ke atas komuniti adat (Myrna Safitri, 2007; Maria, S.W. Sumadjono, 2010).

Dalam pada itu, etnik Lampung terbahagi ke atas dua kumpulan adat mengikut persekitaran fizikal di mana mereka tinggal, iaitu kumpulan adat Sai Batin dan kumpulan adat Pepadun. Kumpulan Sai Batin tinggal di kawasan pesisir pantai,

sedangkan kumpulan adat Pepadun tinggal di pedalaman. Kumpulan adat Sai Batin juga dikenali dengan masyarakat Pesisir dan kumpulan adat Pepadun dikenali dengan masyarakat pedalaman. Etnik Pesisir secara budaya memiliki identiti berdasarkan darah atau keturunan secara biologis, sedangkan etnik Lampung Pepadun identitinya berdasarkan *kebumian* iaitu tanah. Tanah adalah sebuah harga diri bagi etnik Lampung Pepadun.

Sementara itu, kajian tentang masyarakat pesisir telah banyak dilakukan misalnya mengenai hutan khas milik masyarakat pesisir iaitu hutan damar atau yang disebut dengan *repong damar* dan malah sampai kepada dasar-dasar pengurusan hutan dan lemahnya undang-undang ke atas hak adat (Zulkifli Lubis, 1997 ; Myrna Safitri, 2006). Sedangkan Etnik Lampung Pepadun, dalam konteks isu peminggiran tanah dan membina semula identiti pada era autonomi daerah belum begitu banyak dibincangkan dan diselidiki.

Etnik Lampung Pepadun, terkenal dengan sistem pertanian lahan kering iaitu kebun. Mereka menggantungkan hidup dari tanah kebun dan sungai. Setiap keluarga di etnik Lampung Pepadun memiliki tanah yang sangat luas berekar-ekar. Tanah tersebut mereka sebut sebagai kebun. Mereka menanam pelbagai macam tanaman rakyat/tempatan, seperti lada dan kopi sebagai tanaman khas Lampung. Etnik Lampung Pepadun terdiri daripada banyak *buwai*, dimana *buwai-buwai* itu hidup menyebar di kawasan pedalaman Lampung.

Sehingga penyelidikan ini dimulai dari isu kajian bahwa etnik Lampung semula memiliki tanah yang luas, terutama tanah adat. Namun, tanah-tanah tersebut semakin hari semakin hilang dan berkurang. Hal ini juga dikeranakan dahulu tanah tiada harganya, etnik Lampung sangat mudah memberikan tanah kepada migran

Jawa, baik itu dengan cara dijual atau dengan memberi secara percuma. Orang Lampung menganggap migran Jawa sebagai anak buah, dan terjadi hubungan yang baik dan harmonis. Namun, waktu berselang lama tidak hanya tanah terpinggirkan tetapi juga kuasa akan politik tempatan. Apalagi masa Orde Baru, Jawa sangat berkuasa. Namun, hal ini berubah sejak reformasi dan masa autonomi daerah di Indonesia. Isu putera daerah dan isu identiti asli Lampung dalam konteks politik tempatan sangat penting. Hal ini kemudian yang menyebabkan identiti Lampung kembali muncul kerana sangat penting dalam politik tempatan. Etnik Lampung memang sudah terpinggir tanahnya, namun pada masa reformasi kembali merebut kuasa politik tempatan dengan cara membangkitkan, menguatkan dan melestarikan identitinya sebagai orang asli tempatan. Maknanya identiti itu dibina semula untuk meraih kuasa, meski sebelumnya identiti etnik Lampung itu sudah ada dan kuat tapi hanya terhad kepada sekedar harga diri saja, tidak diguna pada kepentingan politik tempatan untuk meraih kuasa. Identiti etnik Lampung ada dalam konsep tempatan yakni *piil pesenggiri* (harga diri). Sementara itu tanah naik nilainya, dan orang Jawa lebih banyak meraih pendidikan tinggi untuk kejayaan hidupnya.

Isu kajiannya adalah tentang peminggiran tanah yang berlaku pada orang Lampung sebagai sebuah proses sosial, yakni proses sosial yang dipahami dari hubungan kuasa antara etnik Lampung dengan migran Jawa dan pihak kerajaan yang dilihat melalui peminggiran kuasa dan menyebabkan pelestarian dan penguatan semula identiti golongan etnik Lampung. Maknanya, hubungan sosial dan hubungan kuasa menyumbang kepada peminggiran kuasa dan pembentukan semula identiti etnik Lampung.

1.2. Permasalahan Kajian

Secara teoritik dan konseptual penyelidikan peminggiran kuasa etnik Lampung Pepadun ke atas tanah belum pernah dilakukan dengan mengguna teori kuasa, teori identiti, teori konflik, teori peminggiran, teori patron-client dan teori involusi pertanian. Banyak kajian yang mengkaji tanah tetapi hanya dari segi hak-hak atau undang-undang. Selain itu, banyak yang mengkaji fenomena berkaitan peminggiran (*marginalization*), namun ianya dari segi politik dan undang-undang. Sebaliknya tesis ini hendak melihat peminggiran tanah dari segi teori kuasa (*power*) dan pembentukan semula identiti golongan etnik Lampung dengan mengkaji hubungan kuasa antara etnik Lampung, migran Jawa dan pihak kerajaan.

Kajian ini melihat sebagai sebuah kuasa yang terpinggirkan atau *power marginalized* sekaligus kuasa yang dibina semula (*power reconstruction*) sebagai kesan perubahan politik di Indonesia. Untuk mengkaji peminggiran kuasa atas tanah diperlukan kefahaman tentang makna tanah bagi etnik Lampung dan hubungan kuasa antara golongan etnik Lampung, migran Jawa dan pihak Kerajaan. Penyelidikan ini juga mengkaji corak peminggiran kuasa atas tanah dan kebudayaan (*culture*) pada etnik Lampung Pepadun dan reaksi mereka terhadap peminggiran itu dengan membina semula identiti mereka. Hal ini dapat difahami menerusi pengkajian makna ke atas tanah bagi etnik Lampung Pepadun dan hubungan kuasa. Makna ke atas tanah dapat dilihat dari adat, budaya dan identiti. Ini juga Hubungan kuasa antara etnik Lampung, migran Jawa dan pihak kerajaan, itu boleh dilihat daripada corak pemanfaatan dan pengurusan etnik Lampung terhadap tanahnya akibat perubahan dan pergeseran kuasa ke atas tanah semenjak program kolonisasi dan transmigrasi besar-besaran di Lampung.

Peminggiran dan pergeseran kuasa etnik Lampung ke atas tanah juga berimpak kepada berubahnya sistem ekonomi dan budaya etnik Lampung secara mudah. Perubahan tersebut dapat menerusi tindakan menjual tanah-tanah mereka, padahal tempat tinggal mereka sendiri sudah tersepit dan merubah sistem pertanian mereka sehingga budaya Lampung menjadi budaya yang rapuh dan terlalu dinamik. Selain itu, konsep keterbukaan terhadap pendatang yang begitu besar menjadikan etnik Lampung dapat diibaratkan sebagai menumpang di tanah/Asli-nya sendiri tanpa disedari oleh mereka sendiri.

Pada masa orde baru pemerintah dapat dengan mudah memberikan kemudahan kepada syarikat-syarikat untuk menguasai tanah-tanah masyarakat. Di bawah tekanan politik dan tentera tidak ada masyarakat yang berani untuk protes dan melakukan konflik secara terbuka. Tekanan yang dilakukan dapat berbentuk fizikal, intimidasi, keganasan, penangkapan, isolasi, dan lain sebagainya. Pada masa Orde Baru juga terdapat konflik tanah yang bersifat konflik struktural, yakni konflik tanah akibat polisi pemerintah (Suparman Marzuki, 2008:p3). Padahal, menurut Undang-Undang Agraria tahun 1960, terdapat satu fasal yang mengakui tanah *ulayat*, namun dalam implementasinya tidak bersesuaian. Sudah semestinya ramai yang mengkritik undang-undang tersebut.

Walau bagaimanapun, selepas berlakunya reformasi politik di Indonesia tahun 1998 beberapa perubahan telah berimpak kepada situasi sosiopolitik di Lampung. Antara implikasi penting situasi pasca reformasi ialah bangkitnya identiti-identiti etnik yang luar biasa di seluruh Indonesia termasuk di Lampung. Wilayah transmigrasi di Lampung merupakan antara kawasan yang cukup terjejas apabila mula timbul persaingan antara etnik. Malah, persaingan antara etnik telah membawa

kepada isu ketidakseimbangan kekuasaan yang berlaku selama ini di antara mereka, dengan etnik yang lainnya dan bahkan dengan ‘pusat’ iaitu Jakarta.

Seterusnya, selepas kedatangan ramai pendatang Jawa, etnik Lampung semakin minoriti di atas dominasi Jawa di Lampung. Kedatangan penduduk dari Jawa dalam jangka masa yang cukup lama telah mengakibatkan ketidaksamaan sosial di antara etnik-etnik tersebut. Namun selepas era autonomi daerah ianya berimpak kepada kebangkitan gerakan baru etnik Lampung untuk kembali menyusun semula kekuatan mereka dalam penguasaan tanah. Pada era autonomi daerah banyak timbul isu-isu yang bersifat identiti kedaerahan. Di Lampung misalnya adalah isu putera daerah atau putera asli daerah Lampung adalah mesti etnik Lampung dan isu tentang rekonstruksi budaya dan bahasa Lampung yang hampir punah. Etnik Lampung kembali bernostalgia dengan identiti kebudayanya yang hilang dan mencari kembali identiti budaya tersebut, terutamanya tanah. Pada masa Orde Baru konflik tanah sudah wujud di masyarakat adat namun cenderung tertutup dan protes yang dilakukan tidak secara terbuka kerana kuatnya kekuasaan pemerintah pusat. Namun, semenjak era autonomi daerah secara politik semua orang bebas berbicara dan berpendapat, sehingga banyak terjadi konflik terbuka, berupa kekerasan, protes, tunjuk perasaan dan kerusuhan di mana-mana termasuklah dalam konflik tanah. Menurut Minako Sakai (2002:p40) dengan jatuhnya pemerintahan Orde Baru dan bangkitnya reformasi di Indonesia merupakan awal dari gerakan masyarakat adat untuk menuntut kembali hak *ulayatnya*. Hal ini disokong oleh penyelidikan Dianto Bachriadi & Anton Lucas tentang perampasan tanah rakyat oleh negara (2001) dan penyelidikan Sediono M.P. Tjondronegoro & Gunawan Wiradi (2008) tentang dua abad penguasaan tanah di Jawa.

Autonomi daerah juga berimplikasi kepada munculnya isu kedaerahan dan rekonstruksi budaya termasuk menimbulkan isu tentang klaim atau pendakwaan ke atas tanah. Etnik Lampung kembali mencari dan membangunkan kebudayaan dan identitinya yang hampir punah. Klaim dan pendakwaan ke atas tanah *Ulayat* kembali bermunculan sebagai identiti etnik Lampung Pepadun. Sebagai contoh ialah kes tanah adat di kawasan Rajabasa, di mana tanah adat diambil oleh pendatang Jawa disebabkan rendahnya penghargaan penduduk Jawa terhadap penduduk asli. Pendatang Jawa pula cenderung tidak menghormati penduduk asli serta tidak mengambil kira ketidakseimbangan pembangunan antara kawasan penduduk asli dengan transmigrasi sehingga menimbulkan kecemburuan sosial (John Haba, 2001: p13).

Konflik tanah juga berlaku di antara syarikat-syarikat dan masyarakat adat. Misalnya sahaja antara Syarikat Menggala Sawit Indo dengan Marga adat Aji Lampung Pepadun yang telah mengambil secara sepihak tanah *Ulayat*. Menurut dakwaan masyarakat adat, tanah tersebut diberikan oleh seorang individu pegawai kerajaan kepada syarikat tersebut. (Diduga Serobot Tanah Adat PT. Menggala Sawit Indo dipolisikan, 23 Juli (2010, Juli 23). *Koran Lampung On line*. Diturun muka 20 Mei 2011 dari-

http://koranlampung.co.id/detail_berita.php?module=detailberita&id=287&id_kategori=21)

Kes lainnya adalah penggusuran tanah *Ulayat* Buwai Aji oleh Syarikat PT Indo Lampung Perkasa (Kronologis Penggusuran Tanah *Ulayat* Masyarakat Adat oleh PT. Indo Lampung Perkasa (ILP). (2010, Juli 14). Dimuat turun 20 Mei 2011 dari <http://hminews.com/news/kronologis-penggusuran-tanah-ulayat-masyaralat-adat->

oleh-pt-indolampung-perkasa-ilp/). Kemudian kes pengambilan tanah adat secara paksa seluas 700 ekar. (Terkait penyerobotan tanah adat 7000 ha di Lampung. (2010, Juli 22), dimuat turun 20 Mei 2011 dari <http://bataviase.co.id/node/306155> <http://bataviase.co.id/node/306155>), serta kes Syarikat PT BLS yang dituntut mengembalikan tanah adat. (PT BLS didesak Kembalikan Tanah *Ulayat*. (2010, Oktober 5). Diturun muka 20 Mei 2011 dari <http://hileud.com/pt-bls-didesak-kembalikan-tanah-ulayat.html>).

Banyak kes-kes serupa juga berlaku di Lampung saat ini, di mana syarikat-syarikat yang dilindungi oleh negara dituntut untuk mengembalikan tanah milik adat atau *ulayat* marga. Tanah-tanah tersebut berusaha untuk direbut kembali dengan berbagai cara dan strategi oleh etnik Lampung termasuk dengan isu-isu, pendakwaan serta menerusi konflik-konflik yang diciptakan.

Daripada huraian di atas tampak bahawa letupan jumlah penduduk akibat kolonisasi, transmigrasi, aktifitas pembangunan, polisi pada masa pemerintah Orde Baru dan banyaknya syarikat-syarikat perkebunan di Lampung, telah meminggirkan dan mengabaikan kuasa etnik Lampung ke atas tanah. Pada masa autonomi daerah, muncul pula reaksi dari masyarakat adat untuk menuntut kembali tanah-tanah *ulayat* adat. Oleh kerana itu penyelidikan ini bermula dari telah berlaku peminggiran tanah terhadap etnik Lampung yang merupakan suatu proses sosial-budaya. Isu kajian ini adalah tentang hubungan kuasa antara etnik Lampung dengan migran Jawa dan pihak kerajaan yang dilihat melalui peminggiran tanah dan peminggiran kuasa yang menyebabkan pembentukan dan penguatan semula identiti golongan etnik Lampung.

1.3. Persoalan Kajian

Perubahan sosial budaya telah berlaku selama puluhan tahun ke atas etnik Lampung. Etnik Lampung Pepadun yang hidup di pedalaman Lampung yang memiliki identiti *kebumian* atau tanah sebagai identiti mengalami peminggiran kuasa ke atas tanahnya tersebut. Natiyahnya, corak pertanian mereka iaitu dengan sistem berkebun atau *Ngumo*, juga telah mengalami transformasi besar. Etnik Lampung Pepadun, dengan jumlah penduduk yang sedikit mendiami daratan yang begitu luas, sehingga setiap kumpulan marga atau kesatuan kumpulan adat memiliki wilayah dan tanah yang luas, yang mereka sebut sebagai tanah *adat*.

Ditambah lagi dengan kedatangan penjajahan Belanda yang telah merubah dan memanipulasi sistem marga dan batas-batas tanah, lebih-lebih lagi kedatangan penduduk Jawa dalam jumlah besar semenjak masa penjajahan, transmigrasi rasmi dan transmigrasi spontan yang mencari tanah harapan di Lampung. Jumlah kawasan yang luas dengan penduduk tempatan yang sedikit, menjadikan Lampung menjadi destinasi para pendatang transmigrasi untuk datang ke Lampung. Tidak dapat dielakkan lagi ia memberikan kesan sosial budaya yang cukup hebat ke atas sistem sosial, budaya, ekonomi dan persekitaran orang Lampung. Eksploitasi persekitaran, pencemaran, pemusnahan persekitaran, perubahan corak sistem pertanian dan menurunnya jumlah kawasan hutan telah meminggirkan kuasa atas tanah bagi etnik Lampung Pepadun.

Fenomena yang berlaku di Lampung adalah bukti wujudnya jurang pembangunan antara daerah masyarakat asli (orang Lampung) dan kawasan masyarakat transmigran, di mana kampung asli etnik Lampung tampak tidak lebih maju dibandingkan dengan daerah transmigran. Pembangunan yang begitu pesat di daerah transmigran berkebalikan dengan pembangunan kampung penduduk asli yang

tampak berjalan lambat. Daripada pelbagai kemudahan seperti jalan-jalan, sekolah, kemudahan kesehatan, bank, pusat perniagaan, semuanya tersedia di daerah transmigran berbanding di daerah penduduk asli.

Kecenderungan pemerintah dalam membangun kawasan transmigrasi terutamanya ketika era Orde Baru sehingga era autonomi daerah telah berimpak kepada peminggiran kuasa atas tanah etnik Lampung serta melahirkan perubahan besar dalam sistem pertanian perkebunan masyarakat asli. Malah, polisi kerajaan pula secara tidak langsung juga meminggirkan dan menyekat kuasa masyarakat asli ke atas tanah lainnya. Oleh itu, dalam kajian ini persoalan kajian yang perlu dijawab ialah sebagai berikut :

1. Apakah makna yang diberi kepada tanah serta hubungan transmigran dengan tuan Tanah?
2. Apakah corak peminggiran kuasa ke atas tanah pada etnik Lampung Pepadun yang berlaku?
3. Bagaimanakah reaksi etnik Lampung Pepadun terhadap peminggiran kuasa ke atas tanah?

1.4. Objektif Kajian :

Adapun objektif kajian dalam tesis ini adalah sebagai berikut :

1. Menjelaskan makna ke atas tanah pada golongan etnik Lampung Pepadun.
2. Mengenalpasti hubungan transmigran Jawa dengan tuan tanah Lampung.
3. Mengenalpasti corak peminggiran kuasa ke atas tanah pada etnik Lampung Pepadun.

4. Mengenalpasti reaksi etnik Lampung Pepadun terhadap peminggiran kuasa ke atas tanah

1.5. Kepentingan Kajian

Pertama, secara realitinya penyelidikan tentang etnik Lampung Pepadun belum banyak dilakukan terutamanya yang berkaitan dengan peminggiran kuasa ke atas tanah. Kebanyakan kajian-kajian tersebut adalah tentang etnik Jawa atau transmigrasi yang datang ke Lampung dan kajian mengenai masyarakat pesisir Lampung. Sebaliknya, kajian yang secara khas membincangkan etnik Lampung Pepadun sangat sedikit.

Kedua, kesenjangan pembangunan antara daerah penduduk asli dengan daerah transmigran, serta akses kepada pelbagai kemudahan cukup berbeza antara daerah penduduk asli dengan penduduk transmigran, menyebabkan resistensi dan gesekan antara penduduk asli dan transmigran. Kemudahan-kemudahan seperti pendidikan, sekolah, kesihatan, pejabat bank, pusat perniagaan dan lain sebagainya.

Ketiga, ketika adanya peminggiran ini memberikan nafas gerakan baru bagi etnik Lampung untuk membangunkan kembali identiti mereka termasuk kuasa ke atas tanah. Membina semula identiti dan budaya mulai ditimbulkan oleh etnik Lampung Pepadun dengan berbagai respon yang diwujudkan.

Keempat, kajian ini sangat penting dilakukan kerana, sebagai salah satu budaya dan warisan budaya Indonesia, budaya Lampung telah mengalami berbagai kepunahan. Budaya Lampung termasuk budaya yang dikuatirkan kepunahannya. Jika

ini dibiarkan terus menerus maka akan membawa kesan negatif terhadap kelangsungan warisan budaya ini. Apalagi pengaruh gaya hidup kelas menengah, dan salah interpretasi generasi muda Lampung akan identitas mereka sendiri, akan mengakibatkan keburukan buat etnik tersebut.

1.6. Fokus/Skop Kajian

Fokus atau skop kajian ini adalah pada etnik, adat, identitas, dan budaya Lampung Pepadun yang mengalami peminggiran kuasa ke atas tanah adat akibat proses sosial budaya yang panjang. Etnik Lampung Pepadun, yaitu kajian kes kepada *Buwai* Pemuka Lampung Pepadun, yang sedang mengalami peminggiran kuasa ke atas tanah, budaya dan adat.

1.7. Susunan Bab

Tesis ini berisikan 8 bab. Bab pertama tentang pendahuluan. Bab kedua berisikan sorotan karya lepas. Bab ketiga membincangkan tentang metodologi penyelidikan. Bab keempat membincangkan tentang Etnik Lampung Pepadun, *Buwai* Pemuka dan Adat. Bab kelima membincangkan tentang Makna Tanah bagi *Buwai* Pemuka. Bab Keenam membincangkan tentang corak peminggiran kuasa ke atas tanah etnik Lampung Pepadun dan hubungan antara golongan etnik Lampung dan migran Jawa. Bab ketujuh membincangkan respon etnik Lampung Pepadun terhadap keterpinggiran dan melestarikan identitas mereka. Bab kedelapan, adalah membincangkan kesimpulan dan cadangan kajian***.